

10/05/2002

Umno yakin boleh bincang isu Melayu

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SHAH ALAM, Khamis - Umno yakin dapat meneruskan perbincangan dengan Pas mengenai perpaduan Melayu berikutan kejayaan kedua-dua parti bersatu menyatakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin semalam.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata isu Palestin membuktikan bahawa Umno dan Pas dapat menolak perbezaan ideologi politik demi kepentingan umat Islam sejagat.

"Saya bersyukur kerana dalam isu tertentu, kita berjaya merapatkan hubungan sesama kita. Biarlah perkara ini menjadi permulaan bagi penyatuan umat Islam negara ini. Kita lihat perkembangannya nanti" katanya kepada pemberita selepas menghadiri raptai sambutan ulang tahun ke-56 Umno di Stadium Melawati, di sini hari ini.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas Datuk Fadzil Mohd Noor pada majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan semalam, menandatangani Pernyataan Bersama menyatakan sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, beliau percaya dalam isu tertentu, seluruh umat Islam negara ini mampu membuktikan bahawa mereka dapat bersama dan bersatu.

Mengenai pengganti bagi jawatan Ketua Penerangan Umno, Khalil berkata, perkara itu diserahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat pengumuman.

Sementara itu, Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata lebih 14,000 ahli Umno akan menghadiri perhimpunan sempena ulang tahun parti pada Sabtu ini.

Tengku Adnan berkata, sambutan bertujuan mengingatkan rakyat Malaysia, terutama Melayu bahawa Umno adalah parti yang bertanggungjawab dalam kemajuan negara.

"Pada masa yang sama, kebetulan Dr Mahathir akan berlepas ke Amerika Syarikat untuk bertemu dengan Presiden George W Bush pada malam itu.

"Jadi, pada sambutan kali ini, kita akan turut menyatakan sokongan padu kepada Dr Mahathir dalam usaha beliau memperjuangkan isu Palestin dan Islam di seluruh dunia," katanya.

(END)